

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

RUJUKAN : 9161

SOALAN:

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) jumlah pusat judi haram yang telah diserbu dan diambil tindakan sejak tahun 2008 - 2016; dan

(b) mengapa masih banyak pusat judi haram dapat beroperasi seperti biasa dengan menggunakan nama kafe atau kedai kopi.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa memberi perhatian yang khusus berkaitan aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara. Walaupun operasi membanteras aktiviti perjudian haram ini dijalankan secara besar-besaran dan berterusan namun aktiviti perjudian ini masih aktif kerana pengusaha pusat perjudian haram telah menukar *modus operandi* mereka dengan beroperasi di sebalik perniagaan yang sah atas nama pusat hiburan keluarga (PHK) atau telah mengubah lokasi daripada premis perniagaan ke kondominium atau membuka pusat perjudian di pinggir bandar atau di kawasan pendalaman. Selain itu, kaedah baru yang digunakan oleh sindiket adalah secara penyebaran melalui *short message service* (SMS) atau melalui laman-laman website bagi mencari pelanggan-pelanggan baru.

Statistik serbuan berkaitan aktiviti perjudian di seluruh negara dan pertuduhan bagi tahun 2008 sehingga 2016 (April) seperti berikut:-

KEGIATAN PERJUDIAN	SERBUAN BERJAYA	TANGKAPAN	RAMPASAN MESIN	RAMPASAN WANG (RM)	PERTUDUHAN			
	(2008/JAN-APRIL 2016)	(2008/JAN-APRIL 2016)	(2008/JAN-APRIL 2016)	(2008/JAN-APRIL 2016)	JUM KES (2008/JAN-APRIL 2016)	TUDUH (2008/JAN-APRIL 2016)	DNA / DNAA / NFA / KUS(2008/JAN-APRIL 2016)	DLM SIASATAN/PARKAR (2008/JAN-APRIL 2016)
MESIN	143,232	952,052	647603	4,496,051.00	142,888	26,312	93,461	24,208
LOTERI HARAM	39,745	28,994	0	11,818,482	39,958	25,219	10,756	3700
CATIT TARUH	14,115	5642			13,022	579	382	12,112
DLM BANGUNAN	5701	13,568			5753	769	164	4297
TEMPAT BEBAS	7680	17,122			7277	1272	145	5901
JUMLAH	210473	1,017,378			647603	16,314,533	208,898	54,151

Bagi menjawab soalan (b), memang tidak dapat nafikan bahawa aktiviti perjudian masih berselindung di sebalik perniagaan yang mempunyai lesen yang sah seperti di siber cafe dan pusat hiburan keluarga bagi mengaburi pihak berkuasa dan juga masyarakat. Menyedari daripada masalah ini, Kementerian Dalam Negeri telah membentangkan Nota Makluman berhubung isu aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan pada March 2015 dalam mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bil. 122 dan Bil 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk juga mencadangkan Pihak Berkuasa Tempatan tidak mengeluarkan lesen baru atau memperbaharui lesen yang telah tamat tempoh.